



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

**SIARAN MEDIA**

**DERMASISWA B40 (DB40) – LANGKAH MENINGKATKAN PENDAPATAN  
ISI RUMAH KUMPULAN B40 MENERUSI PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN**

---

PULAU PINANG, 3 Mei 2024 – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terus komited memastikan kumpulan B40 mempunyai akses maklumat yang lengkap berkaitan pelbagai program tajaan JPA termasuk **Dermasiswa B40 (DB40)** menerusi jelajah Program MADANI Rakyat Zon Utara 2024 pada 3 Mei – 5 Mei 2024 di Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang.

Menerusi penajaan DB40, pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) daripada keluarga berpendapatan rendah atau golongan B40 berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat **Diploma dalam bidang berfokuskan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET)** tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

Dibiayai penuh oleh Kerajaan Persekutuan, program penajaan dalam negara ini turut menawarkan model penajaan berbentuk dermasiswa kepada penerima tanpa ikatan pembayaran balik **kecuali menarik diri atau gagal** daripada pengajian dalam tempoh penajaan. Ini bertujuan untuk meningkatkan akses pendidikan tinggi dan latihan kemahiran kepada pelajar B40.

Sejak dilaksanakan pada tahun 2016 hingga 2023, jumlah penerima DB40 adalah seramai 24,919 orang dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM111.1 juta. Tekad kerajaan MADANI untuk membantu golongan B40 diteruskan pada tahun 2024 dengan peruntukan **DB40 sejumlah RM19.48 juta**.

Justeru, menerusi program penajaan DB40 ini JPA berharap lebih ramai anak-anak daripada keluarga B40 berpeluang melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi dalam usaha meningkatkan tahap sosioekonomi keluarga mereka.

Calon yang berkeelayakan boleh menghubungi Bahagian Pembangunan Modal Insan, JPA untuk mendapatkan maklumat lanjut dan menyemak syarat-syarat permohonan penajaan DB40 atau layari <https://bmipenajaan.jpa.gov.my>.

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

Aras 2-4, Blok C2, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62510 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia.  
Saluran Pertanyaan: 03-8885 3365/ 3452

####

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh: 3 Mei 2024

E-mel: komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.2 (66)